



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH  
URUS SETIA PENGAMBILAN  
DI KEMENTERIAN KEWANGAN**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

**PENOLONG PEGAWAI PERANGKAAAN (C.3-4 EB.5)  
JABATAN-JABATAN KERAJAAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**1. Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

**2. Sila Ambil Perhatian:**

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENOLONG PEGAWAI PERANGKAAAN  
JABATAN-JABATAN KERAJAAN  
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 EB KHAS \$3,040 - \$3,320 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang *Economics* / Pengurusan Perniagaan / Perniagaan dan Kewangan atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.
2. Berkemahiran dalam perisian / penggunaan komputer adalah kelebihan.
3. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan sangat baik adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

**SECARA AM:**

1. Mengendalikan pengumpulan data tertentu yang diperlukan bagi perangkaan Jabatan.
2. Meneliti dan menyunting data yang dikumpulkan dan menyusun data mengikut format perangkaan yang disediakan.
3. Menyediakan data dan maklumat perangkaan yang diperlukan.
4. Bersedia menjalankan tugas-tugas lain dan tanggungjawab yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.



#### **JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN:**

1. Mengemaskini perangkaan-perangkaan bagi semua Bahagian di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan yang sedia ada untuk simpanan dan rujukan Jabatan;
2. Memastikan maklumat-maklumat yang diperlukan oleh agensi-agensi Kerajaan, bukan Kerajaan dan persendirian adalah dibalas mengikut garispanduan-garis panduan dan peraturan serta Tekad Pemeduliaan Orang Ramai yang ditetapkan dan membantu menilai perubahan sistem yang dihadapkan oleh pengguna;
3. Memberi dan menyediakan perangkaan-perangkaan yang diperlukan bagi agensi-agensi yang memerlukan selaras dengan garispanduan-garis panduan dan peraturan serta Tekad Pemeduliaan Orang Ramai yang ditetapkan;
4. Membuat analisa-ana
5. lisa dan trend data-data maklumat yang ada dari semasa ke semasa;
6. Membantu Bahagian Komputer dan membuat pemantauan berkenaan dengan sistem dan komputer yang terdapat di Jabatan ini;
7. Menjadi Sistem *Administrator* dalam pengendalian, pengurusan Sistem *Business Travel Card* yang ditempatkan di Bahagian Visa Lawatan yang diarahkan oleh Penolong Pengarah Imigresen; dan
8. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Timbalan Pengarah Imigresen dan Timbalan Pengarah Pendaftaran Kebangsaan dari semasa ke semasa.